

CNS7493

R GB 16-01 00185 BH211

bah

Mahathir - MCA

PARTI KOMPONEN BN BEBAS UNTUK BUKA KEANGGOTAAN KEPADA PELBAGAI KAUM

LANGKAWI, 16 Jan (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bebas membuka keanggotaannya kepada pelbagai kaum, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita memang mengalu-alukan pengluasan keanggotaan bagi parti-parti supaya tidak terlalu menumpu kepada satu-satu kaum atau satu keturunan sahaja," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini petang ini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan tidak rasmi sehari ke sini.

Beliau yakin perkara itu tidak akan menimbulkan masalah perebutan di kalangan parti-parti komponen BN kerana sesiapa juga bebas untuk memasuki mana-mana parti BN asalkan mereka patuh kepada prinsip BN.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas langkah MCA melonggarkan syarat keanggotaan dengan membenarkan sesiapa juga daripada keturunan Cina menyertai parti itu tanpa mengira nama dan agama mereka sekarang.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang membuat pengumuman itu, semalam berkata, langkah itu bertujuan meluaskan keanggotaan MCA ekoran parti itu mendapat banyak permintaan daripada mereka yang berdarah campuran Cina untuk menyertainya. -- Lagi

▼16/01/20-55MST

CNS7495

R GB 16-01 00132 BH242

bah

Mahathir - MCA 2 Langkawi

Dr Mahathir berkata, parti-parti komponen memang sejak dari dahulu bebas menerima keanggotaan pelbagai kaum seperti parti Gerakan dan UMNO.

"UMNO pun bebas. Kita menerima orang Thai, kita terima orang Gurkha dan orang Sabah pun kita terima," katanya.

Mengenai keputusan terbaru MCA itu yang diputuskan pada mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA semalam, beliau berkata: "Yang itu hak dia, dia nak terima sesiapa pun masuk dalam parti, itu hak dia."

Kepada soalan pemberita, Dr Mahathir berkata, sebelum mengambil keputusan itu MCA tiada memohon kebenaran daripada BN untuk berbuat demikian.

"Dia tak ada meminta kebenaran daripada BN, demikian juga kita (UMNO) pun tidak ada meminta kebenaran daripada BN (untuk membuka keanggotaan kepada orang bukan Melayu dan bukan Islam)," katanya. -- Lagi

▼16/01/21-01MST

CNS7497

R GB 16-01 00141 BH243

bah

Mahathir - MCA 3 Langkawi

Perdana Menteri berkata kerajaan bercadang memanjangkan landasan di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini untuk membolehkan pesawat yang lebih besar seperti B747 mendarat.

Pada masa ini, lapangan terbang itu hanya digunakan pesawat yang lebih kecil seperti B737.

Baqaamanapun, menurutnya, beliau tidak pasti sama ada projek itu dapat disiapkan sebelum Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1995 (LIMA '95) kerana projek itu akan membabitkan tebus guna kawasan laut.

Mengenai masalah keretakan jalan raya di beberapa tempat di Gunung Raya di sini akibat hakisan tanah di lereng gunung itu pada musim hujan lepas, beliau berkata kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengurangkan hakisan itu sebelum menjadi lebih buruk.

Beliau berkata kerajaan juga bercadang menaikkan taraf jalan raya yang menuju ke puncak gunung itu sebagai mengatasi masalah itu. -- Lagi

▼16/01/21-13MST

CNS7498

R GB 16-01 00152 BH244

bah

Mahathir - MCA 4 Langkawi

"Kita berpendapat orang yang membina jalan ke Genting Highlands mempunyai pengalaman dalam hal ini, sebab itu saya menjemput Pengerusi Genting Berhad, Tan Sri Lim Goh Tong untuk melihat keadaan itu dan membuat cadangan bagi mengurangkan kemungkinan berlaku hakisan," katanya.

Menurutnya, Lim akan merundingkan perkara itu dengan Jabatan Kerja Raya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga sedang mempertimbangkan beberapa cadangan bagi membina satu mercu tanda sama ada lugu atau menara yang mempunyai arca burung helang sebagai melambangkan Langkawi untuk dibina di Jeti Kuah di sini.

"Burung Helang dipilih ialah kerana nama "Langkawi" berasal dari cantuman nama Brown Eagle (burung helang berwarna coklat) atau "Lang" dan "Kawi", batu kawi yang berwarna coklat," katanya.

Perdana Menteri juga melawat projek pembinaan marina Rebak Marina Resort di Pulau Rebak Besar dan berpuas hati dengan perkembangan projek itu yang hampir siap. -- Lagi

▼16/01/21-16MST

CNS7500

R GB 16-01 00126 BH245

bah

Mahathir - MCA 5 (Akhir) Langkawi

Selain itu, beliau juga melawat kompleks bazar perniagaan yang sedang dibina di kawasan tebus guna di Kuah yang dimajukan Trimula Development Sdn Bhd.

Beliau juga melawat Masjid Al-Hana di Kuah yang sedang dihiasi dengan ukiran pada siling dan dindingnya serta menyaksikan perlawanan pertunjukan oleh pasukan badminton Piala Thomas dan Piala Uber Malaysia yang mengadakan latihan seminggu di Kompleks Sukan Langkawi yang berakhir hari ini.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pula mempunyai acara berasingan iaitu melancarkan program anak angkat badminton sekolah-sekolah di Sekolah Menengah Vokasional di sini pagi ini dan merasmikan penggunaan Dewan Serbaguna di Kompleks Sukan itu petang ini.

-- BERBASA

KHYAKD